



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
JABATAN WARISAN NEGARA

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor tempatan (Bumiputera) yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di dalam Negeri Kedah sahaja yang memperolehi Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dari CIDB dalam gred dan pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut:


Tajuk Sebut Harga	Gred/ Kategori/ Pengkhususan CIDB	Tempat, Tarikh & Waktu Taklimat/ Lawatan Tapak
KERJA-KERJA NAIK TARAF SHELTER DAN KEMUDAHAN PELANCONGAN DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI TAPAK ARKEOLOGI SUNGAI BATU, KEDAH JWN.PBN.400-5/18/2024-1	Gred G2 (Negeri Kedah Sahaja) Kategori B (Pembinaan Bangunan) Pengkhususan B04 (Kerja Am Bangunan)	<u>Tempat</u> Pejabat Tapak Arkeologi Sungai Batu, Kedah.
		<u>Tarikh Taklimat/Lawatan Tapak</u> 11 Jun 2024 (Selasa) Jam 9.00 pagi
		Tempat, Tarikh & Waktu Sebut Harga Tutup
		<u>Tempat</u> Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Warisan Negara, Blok B, Bangunan Sultan Abdul Samad, Jalan Raja, 50050 Kuala Lumpur <u>Tarikh Sebut Harga Ditutup</u> 27 Jun 2024 (Khamis) <u>Waktu Sebut Harga Ditutup</u> 12.00 Tengah Hari

Hanya **PENAMA** di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja yang boleh menghadiri taklimat dan lawatan tapak. Sila bawa Kad Pengenalan, SIJIL ASAL dan SATU SALINAN sijil-sijil berkaitan serta **COP RASMI** syarikat semasa lawatan tapak. Surat Kelulusan/Kebenaran Khas CIDB adalah tidak dibenarkan untuk menyertai pelawaan sebut harga ini.

Kehadiran taklimat/lawatan tapak secara fizikal adalah **DIWAJIBKAN** dan lawatan tapak akan diadakan pada **11 Jun 2024 (Selasa) Jam 9.00 pagi**. Jabatan ini tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh pihak penyebut harga bagi tujuan lawatan tapak tersebut.

Dokumen sebut harga boleh disemak dan diperolehi secara **PERCUMA** bermula pada **19 Jun 2024 (Rabu)** melalui emel. Dokumen sebut harga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang menghadiri lawatan tapak atau wakil yang sah sahaja. Kontraktor disarankan mempunyai alamat emel untuk memudahkan urusan rasmi. Jabatan ini berhak menolak pengambilan dokumen jika terdapat mana-mana butiran yang tidak melepasi kelayakan yang disyaratkan.

2. Dokumen Sebut Harga yang telah sempurna dilengkapkan hendaklah dimasukkan dalam sampul surat bermetri dengan **TAJUK** dan **NOMBOR SEBUT HARGA** di penjuru kiri sampul surat berkenaan dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga pada tarikh tutup yang ditetapkan ke alamat di atas.
3. Sebut Harga yang dihantar sama ada secara Serahan Tangan atau menggunakan perkhidmatan Pos Berdaftar/Kurier hendaklah dipastikan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Jabatan Warisan Negara. Penyebut harga juga hendaklah memastikan dokumen tersebut sempurna dihantar sebelum/pada tarikh tutup Sebut Harga **selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan atau dokumen yang tidak dimasukkan dalam Peti Sebut Harga tidak akan dilayan.**


(MOHAMAD MUDA BIN BAHADIN)
Ketua Pengarah
Jabatan Warisan Negara

Tarikh Pamer Iklan: 6 Jun 2024